



# **GARIS PANDUAN PERMOHONAN *OFFSET* KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN (KWSMP)**

**PEMAJU (PEMOHON)**

## REKOD PINDAAN

| Bil | Bahagian / Mukasurat  | Ringkasan  | Tarikh Kelulusan |
|-----|-----------------------|--|------------------|
| 1.  | Pindaan 1<br>MS 1/ 11 | Pindaan kepada Versi 2 yang diluluskan pada Ogos 2016.<br><br><b>Tajuk: Penglibatan Dan Obligasi Entiti/ Agensi:</b> Tugas Pemaju. | 1 Disember 2018  |
| 2.  | MS 2/ 11              | <b>Tajuk: Jaminan Bank:</b> Tempoh Pengemukaan BG dan permohonan <i>Offset</i> oleh pemaju kepada Pejabat APP.                     |                  |
| 3.  | MS 3/ 11              | <b>Tajuk: Tarikh Kuat Kuasa:</b> Tarikh berkuat kuasa Garis Panduan Permohonan <i>Offset</i> .                                     |                  |

## **ISI KANDUNGAN**

|            |  |           |
|------------|--|-----------|
| <b>1.0</b> | <b>TUJUAN .....</b>                                  | <b>1</b>  |
| <b>2.0</b> | <b>PENGLIBATAN DAN OBLIGASI ENTITI/ AGENSI .....</b> | <b>1</b>  |
| <b>3.0</b> | <b>KEPERLUAN PERMOHONAN .....</b>                    | <b>1</b>  |
| <b>4.0</b> | <b>JAMINAN BANK .....</b>                            | <b>2</b>  |
| <b>5.0</b> | <b>NAIK TARAF BAGI PEMBANGUNAN BERFASA.....</b>      | <b>3</b>  |
| <b>6.0</b> | <b>TARIKH KUAT KUASA .....</b>                       | <b>3</b>  |
|            |  |           |
|            | <b>LAMPIRAN A .....</b>                              | <b>4</b>  |
|            | <b>LAMPIRAN B .....</b>                              | <b>6</b>  |
|            | <b>LAMPIRAN C .....</b>                              | <b>8</b>  |
|            | <b>LAMPIRAN D .....</b>                              | <b>10</b> |

## 1.0 TUJUAN

- a) Tatacara ini disediakan bagi rujukan permohonan *offset* bayaran Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan (KWSMP) supaya kehendak-kehendak di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), perundangan subsidiarinya serta ketetapan-ketetapan yang dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dipatuhi.
- b) Tatacara ini menggariskan perkara yang perlu diikuti oleh pemohon bagi permohonan *offset* bayaran KWSMP.

## 2.0 PENGLIBATAN DAN OBLIGASI ENTITI/ AGENSI

Kerja-kerja di dalam permohonan *offset* bayaran KWSMP melibatkan:-

- a) Pemaju (Pemohon)
  - Mengemukakan dokumen permohonan lengkap kepada APP mengikut senarai semak yang ditetapkan;
  - Memastikan kesemua perincian dikemukakan di dalam dokumen dan borang yang ditetapkan adalah **tepat dan benar**;
  - Memastikan **tempoh Jaminan Bank (BG) Offset sah untuk tempoh Satu (1) Tahun bermula dari tarikh permohonan offset**;
  - Memastikan BG dikemukakan bersama permohonan *offset* kepada Pejabat APP **dalam tempoh 14 hari daripada tarikh BG disediakan**;
  - Memastikan Senarai Kuantiti (BQ) disahkan oleh Juruukur Bahan Berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.
- b) Agensi Perakuan Pembetulan (APP)
- c) SPAN

## 3.0 KEPERLUAN PERMOHONAN

- a) Semua permohonan *offset* bayaran KWSMP hendaklah menggunakan borang permohonan yang ditetapkan iaitu **Borang OS (Lampiran D)** dan perlu dikemukakan bersama-sama dengan dokumen sokongan yang

disenaraikan di dalam **Senarai Semak Permohonan Offset KWSMP (Lampiran C)**.

- b) Borang yang telah diisi dengan lengkap bersama dengan dokumen sokongan perlu dihantar ke **pejabat APP** yang berkenaan.
- c) Permohonan yang diterima akan dibawa kepada SPAN Wilayah dan Ibu Pejabat bagi penilaian dan keputusan selanjutnya.
- d) Skop kerja yang layak untuk dipertimbangkan permohonannya adalah berdasarkan kepada **Jadual 1** di **Lampiran A**.
- e) Carta aliran permohonan *offset* disertakan di **Lampiran B** untuk panduan pemohon.

#### 4.0 JAMINAN BANK

- a) Pemaju perlu mengemukakan **BG** di atas nama "**SPAN-KWSMP**" dengan nilai seperti mana yang disahkan di dalam Borang SCC K1 atau / dan SCC K2 dan hendaklah dialamatkan kepada Ibu Pejabat SPAN.
- b) Tempoh sah BG adalah **satu (1) tahun** dari tarikh permohonan *offset* bayaran KWSMP.
- c) BG bersama permohonan *offset* yang dikemukakan kepada Pejabat APP hendaklah dalam **tempoh 14 hari daripada tarikh BG disediakan**.
- d) BG atau/ dan Borang SCC K1 atau/ dan SCC K2 adalah **wajib** disediakan bagi **permohonan offset yang dikemukakan bersama Permohonan Pemeriksaan Akhir (PDC 8)** untuk Syor Pengesahan Siap Kerja (*Letter of Completion*).
- e) BG dan Borang SCC K1 atau/dan SCC K2 **tidak perlu dikemukakan pada peringkat ini** sekiranya pemaju mengemukakan permohonan *offset* **sebelum** Permohonan PDC 8 namun dokumen tersebut wajib dikemukakan pada Permohonan PDC 8 sekiranya pemaju masih belum mendapat keputusan permohonan *offset* daripada SPAN.
- f) Permohonan PDC 8 boleh diproses setelah BG dan Borang SCC K1 atau/ dan SCC K2 yang lengkap dan tepat dikemukakan kepada APP.

- g) Sekiranya pemaju gagal membayar amaun KWSMP di dalam tempoh yang ditetapkan oleh SPAN, BG akan ditunaikan sebagai bayaran KWSMP.

## 5.0 NAIK TARAF BAGI PEMBANGUNAN BERFASA

- a) Sekiranya kos yang diluluskan bagi kerja naik taraf sistem pembetulan untuk pembangunan berfasa lebih tinggi daripada nilai KWSMP yang perlu dibayar, baki kos setelah ditolak nilai KWSMP boleh dibawa ke hadapan untuk fasa seterusnya.
- b) Baki yang dibawa ke hadapan adalah hanya untuk pembangunan yang sama sahaja dan pemaju tidak boleh menuntut lebih baki kos sekiranya kesemua fasa pembangunan telah siap.

## 6.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini adalah **berkuat kuasa pada 1 Disember 2018** sehingga dipinda, diubah, ditukar ganti atau dibatalkan oleh Suruhanjaya.

## **LAMPIRAN A**

### **JADUAL 1**

**Jadual 1: Skop Kerja Penaiktarafan Sistem Pembetulan**


| Bil. | Skop Kerja                         | Contoh  |
|------|------------------------------------|---|
| (a)  | Kerja-Kerja Awalan                 | Penyediaan dokumentasi, permohonan permit pembinaan dan insurans, mobilisasi peralatan ke tapak dan apa-apa kerja bukan fizikal yang berkaitan  |
| (b)  | Kerja-Kerja Sivil & Struktur       | Penyediaan tapak ( <i>site clearing</i> ), kerja tanah, penanaman cerucuk ( <i>piling</i> ), pembinaan paip pembetulan, pembinaan struktur dan kerja-kerja lain yang berkaitan seperti cat, <i>plaster</i> dan <i>tiling</i> yang berkaitan |
| (c)  | Kerja-Kerja Mekanikal & Elektrikal | Perpaipan, pendawaian dan pemasangan peralatan mekanikal dan elektrikal yang berkaitan  |
| (d)  | Kerja-Kerja Luaran                 | Jalan, <i>landscaping</i> dan <i>drainage</i>   |



## **LAMPIRAN B**

### **CARTA ALIRAN PERMOHONAN OFFSET BAGI KERJA PENAIKTARFAN SISTEM PEMBETUNGAN AWAM**

**CARTA ALIRAN PERMOHONAN OFFSET BAGI KERJA PENAIKTARFAN SISTEM  
PEMBETUNGAN AWAM**



## **LAMPIRAN C**

### **SENARAI SEMAK PERMOHONAN OFFSET BAYARAN KWSMP**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN OFFSET BAYARAN KWSMP (untuk kegunaan APP)**

**(A) Senarai semak permohonan. Tandakan (✓) pada dokumen yang dikemukakan dan (x) jika dokumen tidak disertakan.**

|   |  |  |
|---|--|--|
| 1 | Borang OS  |  |
| 2 | Kelulusan Skop Kerja Naik Taraf (simpanan Pejabat Wilayah)   |  |
| 3 | Senarai Kuantiti (BQ) yang disahkan oleh Juruukur Bahan Berdaftar merujuk kepada Jadual 1  |  |
| 4 | Borang SCC K1 dan/ atau SCC K2 (Kalkulator KWSMP) *  |  |
| 5 | Salinan Perjanjian Jual Beli (S&P)*  |  |
| 6 | Laporan Penilaian Hartanah daripada Penilai Berdaftar*   |  |
| 7 | Salinan senarai harga yang dikemukakan untuk kelulusan permit iklan dan jualan di bawah Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan(Kawalan dan Pelesenan) 1989 [P.U. (A) 58/1989]* |  |
| 8 | Jaminan Bank di atas nama SPAN-KWSMP (Alamat Ibu Pejabat)*   |  |
| 9 | Pelan Susun Atur keseluruhan pembangunan yang diluluskan APP SPAN (PDC1/ SWA)*   |  |

\*Perkara 4 hingga 9 tidak perlu dikemukakan pada peringkat ini sekiranya permohonan dibuat sebelum Permohonan Pemeriksaan Akhir (PDC 8)

**Skop Kerja (tandakan (✓) pada yang berkenaan)**

|                     |  |  |
|---------------------|--|--|
| Jenis Infrastruktur | Penyambungan [ke no. aset _____ ]            |  |
|                     | Paip Pembetulan                              |  |
|                     | Stesen Pam                                   |  |
|                     | Loji Rawatan Kumbahan                        |  |
|                     | Lain-Lain ( <i>sila nyatakan</i> )           |  |
| Jenis Kerja         | Peningkatan Kapasiti Sistem Rawatan          |  |
|                     | Meningkatkan Pematuhan Kualiti Efluen        |  |
|                     | Peningkatan Kapasiti Ke Atas Paip Retikulasi |  |
|                     | Lencongan Paip Pembetulan                    |  |
|                     | Perubahan Fungsi Atau Tujuan Sistem          |  |

Di semak oleh : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Status Permohonan : Diterima  Ditolak  (sila nyatakan sebab)

## **LAMPIRAN D**

### **BORANG OS/V1/062016**

**BORANG OS/V1/062016**

**Tajuk Projek Pembangunan:**

| <b>Bahagian 1 : Butiran Pemaju</b> |  |                                     |  |
|------------------------------------|--|-------------------------------------|--|
| Nama /<br>Alamat<br>Syarikat       |  | Nama<br>Pegawai/<br>Alamat<br>e-mel |  |
| No. Telefon                        |  | No. Faks                            |  |

| <b>Bahagian 2 : Butiran Perunding</b>                            |  |          |  |
|--|--|----------|--|
| Nama /<br>Alamat<br>Syarikat/ No<br>Pendaftaran/<br>Alamat e-mel |  |          |  |
| No. Telefon  |  | No. Faks |  |

| <b>Bahagian 3 : Butiran Projek</b>             |           |
|--|-----------|
| Nilai Kontrak Mengikut <i>Letter of Award</i>  | RM        |
| Kos Projek Mengikut Nilai Senara Kuantiti (BQ) | RM        |
| Kos Projek/ Penduduk Setara (Tambahan)         | RM per PE |

| <b>Bahagian 4 : Aku Janji*</b>  |          |
|---|----------|
| Saya _____ mengaku dan mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan dalam borang ini dan dokumen yang disertakan adalah benar dan tepat |          |
| Nama :  | Jawatan: |
| No. KP:   | Tarikh:  |
| Tandatangan:  |          |

\* Bahagian 4 perlu ditandatangani oleh pengurusan tertinggi pihak pemaju/ wakil yang diberi kuasa.